

Empat Guru PPKI SMK Mutiara Berpindah Tempat Bertugas



Labuan, 14 Feb – Suasana sedih menyelubungi majlis perpisahan empat guru Program Pendidikan Khas dan Inklusif (PPKI) SMK Mutiara hari ini. Mereka terlibat dalam proses penempatan semula (redeployment) oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan akan memulakan tugas di sekolah baharu bermula 17 Februari ini.

Guru-guru yang terlibat ialah Puan Maslika Binti Ramli@Yusoff , Cik Lee Vi Ly dan Puan Helmi Binti Yusup. Mereka ditempatkan semula (redeployment) ke PPKI SMK Lajau mulai Isnin ini. Manakala seorang lagi iaitu Cikgu Masitoh binti Hassan di tempat semula di PPKI SK Pekan Satu.

Majlis yang diadakan di ruang rehat Bangunan PPKI dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa selamat bagi memohon keberkatan kepada Cikgu Siti Nora binti Abdul Razak, salah seorang guru PPKI yang akan menunaikan ibadat umrah pada Hujung bulan ini.

Seterusnya majlis turut memberi kesempatan kepada keempat-empat guru berkenaan berucap buat kali terakhir di hadapan kira-kira 50 murid PPKI sekolah ini.



Dalam kesedihan mereka meluahkan rasa gembira dan selesa sepanjang bertugas di sekolah ini dan memohon maaf seandainya ada perlakuan daripada mereka membuat guru, PPM dan murid-murid berkecil hati. Guru-guru ini juga menyampaikan kata-kata semangat kepada murid agar terus memajukan diri masing-masing. Suasana bertukar menjadi sedih apabila sebahagian murid PPKI tidak dapat mengawal

emosi dan mula menangis menahan kesedihan masing-masing.

Kebanyakan daripada mereka telah bersama-sama mengharungi kehidupan di PPKI SMK Mutiara selama hampir 5 tahun. Keadaan murid-murid PPKI yang memerlukan perhatian, bimbingan dan komitmen daripada guru-guru menyebabkan hubungan antara mereka sangat rapat dari hari ke hari. Tidak hairanlah majlis perpisahan ini terkesan di hati mereka.

Puan Maslika binti Yusuf ketika menyampaikan ucapan perpisahan turut mengalirkan air mata menahan rasa sebak. Beliau yang mula berkhidmat di sekolah ini sejak 8 tahun yang lalu berasa sangat sedih kerana terpaksa berpisah dengan anak-anak kelainan upaya ini. Baginya anak-anak ini sangat istimewa dan begitu rapat di hatinya. SMK Mutiara juga sangat dekat di hatinya kerana di sini beliau telah bertemu jodoh dengan Cikgu Mohd. Khairul Ikhsan Bin Mohd. Abd. Razak, juga seorang guru PPKI di sekolah ini.





Penolong Kanan PPKI, Puan Roslaniah Binti Zainal ketika menyampaikan ucapan merakamkan ucapan terima kasih atas pengorbanan, kesabaran dan komitmen guru-guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai guru. "Penempatan semula ini dibuat atas kepentingan perkhidmatan dan bukannya atas sebab-sebab lain" ujarnya lagi.

Majlis telah diakhiri dengan jamuan makan pagi untuk semua murid dan Guru PPKI yang disumbangkan oleh warga PPKI SMK Mutiara. Turut hadir di dalam majlis ini ialah Naib Yang Dipertua PIBG, Puan Zuraidah binti Ahmad.

Berita Oleh : SMK Mutiara



Kesedihan jelas terpancar di wajah murid-murid PPKI SMK Mutiara

Pelancaran Program “GO GREEN” Membawa Impak Positif Terhadap Kesedaran Menjaga Kelestarian Alam Sekitar dan Pencemaran Alam



Labuan, 8 Feb 2020 – SMK Ranza-ranza (SMKRR) telah terpilih untuk majlis pelancaran Program “GO GREEN” iaitu satu program yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Sekolah Menengah Kebangsaan Ranza-Ranza bertuah kerana dipilih menjadi lokasi pelancaran yang telah di rasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Shahrudin Bin Md Salleh , Timbalan Menteri Wilayah persekutuan . Majlis ini juga dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Uzir Bin HJ Wan Sulaiman, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan bersama isteri.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Pegawai Esekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan, En Raisin Saidin dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Ranza-Ranza, Encik Yahya Ahmad Puteh.



Yang berhormat Datuk Dr Shahrudin Bin Md Salleh ,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menyampaikan ucapan
Perasmian.

Program ini merupakan satu bentuk kempen kesedaran kepada
setiap orang yang bertujuan untuk memelihara dan
melindungi bumi daripada bahaya “ Global Warming” yang
semakin hari semakin membimbangkan, kesan daripada
perbuatan manusia dan tindakan manusia yang tidak
terkawal.

Ia juga merupakan kempen “ Low Carbon” dalam bandar.
Penanaman pokok teduhan di bandar bertujuan untuk
serapan karbon. Selain itu amalan 3R, Reuse, Reduce, dan
Recycle perlu dibudayakan di peringkat sekolah lagi
supaya pendidikan alam sekitar ini dapat disemai sejak
awal lagi. Secara ringkasnya maksud “GO GREEN” adalah
kempen kesedaran penjagaan dan pelestarian Alam sekitar
dalam kalangan masyarakat amnya dan para pelajar
khususnya.

Dalam program ini , Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah
Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin telah menerima
anak pokok daripada Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.
Beberapa sekolah menengah dan sekolah rendah seluruh

Labuan juga menerima sepohon anak pokok sebagai tanda untuk pendidikan pemuliharaan alam sekitar di sekolah-sekolah.



Encik Raisin Saidin kenerima anak pokok daripada Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Selain daripada anak pokok, Perbadanan Labuan juga telah menyumbang Tong Kitar semula kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Ranche-Ranche untuk kegunaan pelajar sekolah itu agar dapat menggalakkan pelajar-pelajar membuang sampah mengikut kategori, kerana ini merupakan satu langkah penting dalam kempen 3R iaitu " Reuse" "Reduce" dan "Recycle". Tong sampah kitar semula telah di sampaikan sendiri oleh Yang berhormat Datuk Doktor Shahrudin Bin Md Salleh , Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan kepada En Yahya Bin Ahmad Puteh , Pengetua Sekolah Menengah kebangsaan Ranche-Ranche.

Dalam masa yang sama, Sekolah Menengah Kebangsaan Ranche-Ranche juga telah menerima sumbangan sebanyak RM 20,000

untuk memperkasakan amalan penghijauan bumi di sekolah.

Majlis juga turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan kerajaan, pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan WP Labuan, ketua-ketua kampung dan rakan-rakan media.

Berita Oleh : SMK Rancha-Rancha



Encik Yahya Bin Ahmad Puteh Menerima Tong sampah Kitar Semula sumbangan Perbadanan Labuan.

**Lawatan Sambil Belajar PPIM
Ke Kilang Minuman Skyblue**

Labuan



Labuan, 12 Februari– Rombongan murid dari Unit Pergerakan Puteri

Islam Malaysia (PPIM) telah mengadakan aktiviti ko-kurikulum iaitu pembelajaran

luar kelas melalui lawatan sambil belajar ke kilang pemprosesan minuman Skyblue

Labuan. Seramai 78 murid PPIM dan 10

orang guru penasihat yang terlibat. Ketua rombongan pula adalah Ketua Guru

Penasihat PPIM SK Pekan Satu Puan Dayang Faridah binti Besar.

Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita Shyamini A/P S. Azman telah memberi kata-kata aluan dan pesanan bahawa perkembangan minda seseorang murid berkait rapat dengan percambahan pengetahuan sama ada di perolehi secara formal atau tidak formal. Beliau juga mengingatkan agar murid PPIM fokus dan menimba ilmu pengetahuan sepenuhnya semasa lawatan dijalankan di kilang minuman Skyblue khususnya.



Puan Anita memberi sedikit taklimat ringkas kepada ahli PPIM agar menjaga tingkah laku dan menimba ilmu sebaik mungkin semasa lawatan.

Rombongan ini telah mendapat kerjasama dan penerangan yang baik daripada pihak pengurusan kilang. Murid dibawa ke tempat pemprosesan minuman dan diberi penerangan bagaimana sesuatu mesin itu beroperasi serta produk minuman yang mereka hasilkan. Melalui lawatan ini juga selaras dengan aspek kemenjadian murid iaitu murid mempunyai pengetahuan yang mana bukan sahaja pengetahuan di sekolah bahkan pengetahuan di luar sekolah.

Pengurus Kilang Minuman Skyblue Labuan Puan Chau Choon Li meluahkan perasaan teruja serta terima kasih kepada pihak SK Pekan Satu kerana memilih Skyblue sebagai destinasi lawatan. Beliau berharap agar lawatan ini dapat memberi impak yang positif kepada murid-murid khususnya ahli PPIM.

Penyelaras program Puan Dayang Faridah binti Besar melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua

yang terlibat kerana lawatan ini dapat dilangsungkan dengan jayanya. Tambahnya lagi, tanpa komitmen yang tinggi daripada semua pihak, maka program seumpama ini tidak mungkin dapat dilaksanakan sepertimana yang diharapkan. Beliau juga berharap agar lawatan ini menjadi pemangkin kerjasama antara pihak SK Pekan Satu dengan Syarikat Skyblue dan diharapkan pada masa akan datang Syarikat Skyblue sudi datang ke sekolah bagi mengadakan program bersama murid-murid.



Ahli PPIM gembira menerima cenderahati berbentuk air minuman oleh Syarikat Skyblue

Perjumpaan Pengarah BPI Bersama Guru Pendidikan Islam dan Guru Bahasa Arab



Labuan, 10 Feb 2020 – Seramai 130 orang Guru Pendidikan Islam dan Guru Bahasa Arab (GPI GBA) sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan berpeluang menghadiri diri dalam pertemuan bersama Tuan Haji Hassan Nudin bin A.Hamid, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam.

Perjumpaan yang berlangsung di Bilik Benua, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan itu turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin.

GPI GBA Wilayah Persekutuan bertuah dapat bertemu mata dan mendengar taklimat perkongsian yang disampaikan sendiri oleh Tuan Haji Hassan Nudin yang merupakan kali pertama menjejak kaki ke negeri ini setelah dilantik menjadi Pengarah di Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Tuan Haji Hassan Nudin (duduk depan tengah), Encik Raisin Saidin (kanan) dan Tuan Haji Abdul Rahman (kiri) bersama guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Wilayah Persekutuan Labuan

Tuan Haji Hassan Nudin menyambut hasrat baik Tun Dr Mahathir untuk menjadikan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam ini sebagai cara hidup dengan menekankan nilai-nilai murni agama dalam kehidupan seharian.

“Besarlah harapan saya agar guru-guru Pendidikan Islam dapat memastikan anak-anak muridnya boleh membaca Al-Quran sekurang-kurangnya apabila menjejak kaki ke tahun 6 di peringkat sekolah rendah”. Tuan Haji Hassan Nudin



Tuan Haji Hassan Nudin A.Hamid



Encik Raisin Saidin

Selain itu, beliau juga mengingatkan GPI GBA WP Labuan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri sama ada menyambung pelajaran ke peringkat sarjana ke atas dan mencalonkan diri menjadi Guru Cemerlang (GC) berikutan jumlah GC bagi matapelajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab semakin berkurangan di seluruh negara.

Sementara itu, En Raisin Saidin dalam ucapan aluannya

mengingatkan semua GPI GBA agar sentiasa menggalas tanggungjawab sebaik mungkin dalam mendidik anak-anak murid mereka sehingga menjadi insan yang berguna dan berjaya selepas tamat pengajian.

Katanya, kemenjadian murid Islam di Wilayah Persekutuan boleh diukur dengan melihat pencapaian lulus matapelajaran Pendidikan Islam di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia ketika meninggalkan alam persekolahan.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



Gambar Kenangan Bersama Pegawai-Pegawai Sektor Pendidikan Islam

**Pengarah BPI KPM
melancarkan Ziarah Cakna**

2020 Peringkat Kebangsaan WP Labuan



Labuan, 10 Feb 2020 – Ziarah Cakna, sebuah program ziarah guru ke rumah murid terpilih bersifat menyantuni golongan ibu bapa dan penjaga merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menerapkan nilai budaya kasih sayang, saling menghormati dan memperkukuh hubungan antara sekolah dan kedua belah pihak.

Di peringkat Wilayah Persekutuan, Program Ziarah Cakna telah dilancarkan pada hari ini bertempat di SMK Ranche-Ranche dan dirasmikan oleh Tuan Haji Hassan Nudin bin A.Hamid, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Haji Hassan Nudin dalam ucapannya berkata Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai peneraju utama dalam mendidik dan melahirkan modal insan negara komited untuk menyesuaikan dasar serta hala tuju selaras dengan Agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam 7 teras strategik terutama teras yang berkaitan Strategi Transformasi Modal Insan.



Tuan Haji Hassan Nudin, Encik Raisin Saidin dalam perasmian Program Ziarah Cakna bersama tetamu VIP yang hadir

Program ini secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara ibu bapa, guru dan masyarakat dalam mewujudkan budaya baharu yang lebih positif demi kemenjadian murid- murid.

Kita perlu mendidik anak-anak bahawa mereka perlu belajar bersungguh-sungguh, terus berdaya saing dan bertekad untuk keluar dari kemiskinan.

Selain itu juga ianya memperluas konsep sekolah penyayang. Program ini akan menjadi platform buat ibu bapa dan guru berkongsi perkembangan menyeluruh para pelajar.

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin berkata berdasarkan data Ziarah Cakna Kebangsaan tahun 2019 bagi WP Labuan, seramai 168 murid sekolah rendah dan sekolah menengah daripada 167 keluarga telah diziarahi oleh para guru di Labuan.

Beliau menzahirkan rasa terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah, Pegawai Perhubungan Sekolah (PDRM), Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Ketua Kampung, Agensi kerajaan , Agensi Bukan Kerajaan (NGO), dan Persatuan Pesara Guru WP. Labuan atas sokongan dan kerjasama padu dengan KPM bagi merealisasikan majlis ini.

Besarliah harapan saya agar kesepakatan begini bukan sahaja dapat memastikan kejayaan program, bahkan turut memberi impak kepada kemenjadian murid. Encik Raisin Saidin

Tuan Haji Hassan Nudin dan Encik Raisin Saidin bersama rombongan turut menyertai ke rumah salah seorang murid SMK Ranche-Ranche iaitu adik Ukail Syamil Najmuddin bin Mohammed, pelajar tingkatan 5 An Nasawi. Beliau terpaksa mengulang kembali pengajian di tingkatan 5 pada tahun ini kerana tidak sempat menduduki peperiksaan SPM 2019 disebabkan kesihatan yang tidak mengizinkan.

Semasa menziarahi adik Ukail Syamil, Tuan Haji Hassan Nudin telah meminta agar Ukail belajar bersungguh-sungguh dan menerima apa yang berlaku itu mempunyai hikmahnya kerana Allah mempunyai perancangannya.

Pengarah BPI KPM juga melahirkan ucapan terima kasih kepada keluarga Ukail yang menerima kunjungan tersebut.



Tanda sokongan Warga Pendidikan, PDRM, PIBG, Ketua Kampung, Agensi Kerajaan, NGO dan Persatuan Pesara Guru WP Labuan



Encik Ismail Abdullah, Encik Awang Adi dan rombongan bersama keluarga Iwani

Pemimpin Murid Ibarat Duta

Dalam Kalangan Murid : Majlis Watikah Pelantikan Pemimpin Murid Tahun 2020 SMK Pantai IBWS



Labuan, 10 Feb 2020 – Barisan Kepimpinan Murid SMK Pantai IBWS yang dilantik dan diberi tanggungjawab ibarat duta dalam kalangan murid lain.

Majlis Watikah Pelantikan Pemimpin Murid Tahun 2020 SMK Pantai IBWS telah dirasmikan Pegawai Perhubungan Sekolah ASP Amran bin Atoh. Dalam ucapan perasmiannya, beliau berkata, murid-murid yang dilantik menjadi pemimpin merupakan duta kepada sekolah dalam memimpin rakan-rakan yang lain.

“Pihak sekolah telah memberikan pengiktirafan kepada pemimpin murid ini dalam menggalas amanah yang cukup besar. Kita harap agar pemimpin murid yang dilantik ini dapat melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan

bertanggungjawab,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian watah pelantikan pemimpin murid SMK Pantai IBWS di sini, semalam.



ASP Amran menyerahkan sijil Watah Pelantikan Pengawas Sekolah



Pemimpin Murid yang bersiap sedia menggalas tanggungjawab masing-masing sepanjang sesi persekolahan 2020 tahun ini.

Hadir sama, Pengetua SMK Pantai IBWS, Pn. Norazita bt Md Nor @ Shamsuri, Penolong Pegawai Perhubungan Sekolah,

Inspektor Rashid b Juassek, Pn. Wan Azmona bt Wan Mohamed, PK Pentadbiran, Pn Edora bt Ellias, PK HEM serta Pn Maureen Imang JAu, Penyelaras Program MYPIB.

Mengulas lanjut, Amran berkata, kerjasama yang diberikan oleh polis kepada pihak sekolah telah memberikan kefahaman yang terbaik kepada orang ramai bahawa polis dan masyarakat tidak pernah terpisah," katanya.

Seramai 242 pemimpin murid Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai IB World School yang terdiri daripada pengawas sekolah, pengawas pusat sumber sekolah, pengawas SPBT, pembimbing rakan sebaya, Briged ICT, ketua kelas dan penolong ketua kelas menerima watiwah pelantikan bagi tahun 2020 yang telah disampaikan oleh ASP Amran b Atoh.

Semoga semua pemimpin murid yang telah dilantik menggunakan peluang dan kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka untuk menggilap sifat kepimpinan mereka dan akan menjadi role-model kepada rakan-rakan yang lain.

Terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan majlis watiwah pelantikan ini.

Berita Oleh : SMK Pantai



Bacaan Ikrar dipimpin Oleh Saudara Haiqal Yazeed Bin Rizuan Nizzam



Watikah Pengawas Pusat Sumber



Ucapan Perasmian oleh ASP Amran bin Atoh

**Kesedaran Peri Pentingnya
Pembudayaan Sifat
Keusahawan SMK Labuan**



Labuan, 10 Feb 2020 – “Transformasi Minda Keusahawanan”, Hari Pembudayaan Keusahawanan (HPK) SMK Labuan tahun 2020 mendapat sambutan meriah yang telah diadakan pada 5 Februari lalu di perkarangan sekolah SMK Labuan.

Kesedaran peri pentingnya membudayakan sifat keusahawanan dalam diri pelajar SMK Labuan terus diberi perhatian. Ini dibuktikan dengan kesungguhan dan penganjuran kali ke empat sejak tahun 2017.

Melalui HPK, empat objektif utama telah digariskan iaitu :

1. Mewujudkan interaksi dan perkongsian idea dalam kalangan pelajar mengenai ilmu perniagaan dan keusahawanan.
2. Memberi pendedahan dan memupuk minat pelajar terhadap pengendalian program, bekerjasama dan nilai keusahawanan
3. Sebagai platform menguji kebolehan, semangat bekerjasama dan kepimpinan khususnya pelajar-pelajar Pengajian Perniagaan dan warga Tingkatan Enam SMK Labuan amnya terhadap menjayakan program berbentuk keusahawanan.
4. Membentuk jati diri bercirikan usahawan iaitu sedar

bahawa tidak akan menunggu pekerjaan semata-mata tetapi mencipta peluang pekerjaan kepada orang lain.



Encik Ismail, Saudari Nurdieya Farhana dan Encik Saminan melawat salah sebuah gerai murid



Encik Ismail menyempurnakan penanda perasmian HPK bersama Encik Saminan (kiri) dan Saudari Nurdieya Farhana (kanan) Sebanyak 24 gerai telah dibuka melibatkan aktiviti-aktiviti berunsurkan keusahawanan seperti jualan buku-

buku terpakai, alat tulis, produk kesihatan, pakaian dan tudung, selain makanan dan minuman.

Pada tahun ini HPK SMK Labuan telah berjaya mengumpul jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM 10,762,45.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua guru, murid Tingkatan Enam serta murid-murid Tingkatan 4 dan 5 yang mengambil mata pelajaran Perniagaan dan Sains Rumah Tangga yang telah menjayakan HPK 2020.

Majlis telah dirasmikan oleh Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah. Turut hadir Penolong Kanan Pusat Tingkatan 6, Encik Saminan bin Sabtu, Ketua Unit Pengajian Perniagaan, Puan Noritah @ Noriani binti Madina (Penyelaras Program), dan Pensyarah Pengajian Perniagaan, Puan Fazlina binti Razali (Penolong Penyelaras Program).

Pengurus Projek HPK tahun 2020, saudari Nurdieya Farhana Zalina binti Suhaili, pelajar Tingkatan 6 Atas Fasih.



Encik Ismail menyampaikan ucapan perasmian



Antara gerai yang mengambil bahagian dalam HPK



Puan Noritah bersama bekas pelajar Ting 6 SMK Labuan yang hadir memberi sokongan kepada HPK



Puan Noritah bersama staf Jabatan Kesihatan yang turut memeriahkan HPK

Kunjung Bantu Sektor Pendidikan Islam (SPI) ke SKK Ranche-Ranche



Labuan- Kunjung Bantu Sektor Pendidikan Islam (SPI) ke SKK Ranca-Ranca pada 11 Februari 2020 (Selasa). Fokus kunjung bantu adalah semakan Fail Panitia, semakan Jadual Waktu, semakan Fail ADNI (Adab dan Nilai), cerapan PdPC dan SKPMg2.

Program Kunjung Bantu terdiri daripada Ketua Penolong Pengarah SPI JPWPL, Ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusof, Penolong Pengarah ADNI, Ustaz Sharum bin Samlan dan Penolong Pengarah Perancangan dan Pembangunan Islam SPI, Ustazah Sitti Rahimah binti Yusuppu.

Ucapan

penghargaan dan terima kasih kepada pegawai SPI atas bantuan dan bimbingan yang diberikan. Semoga program kunjung bantu ini dapat menambah baik lagi usaha pihak sekolah untuk membantu memantapkan Guru Pendidikan Islam (GPI)/ Guru Bahasa Arab (GBA) peringkat sekolah dan meningkatkan lagi prestasi akademik

murid.

Rumah Kuning (Jaguar) Johan Olahraga SKK SK Ranche-Ranche 2020



LABUAN, Ahad – Sekolah Kebangsaan Ranche-Ranche (Sekolah Kluster Kecemerlangan) mengadakan Kejohanan Sukan Tahunan pada 09 Februari 2020. Acara diadakan di Kompleks Sukan, W.P Labuan.

Majlis dimulai dengan acara balapan. Sebanyak lima jenis acara balapan peringkat akhir telah dipertandingkan mengikut kategori lelaki dan perempuan bagi murid tahap 2, tahap 1 dan PPKI. Acara lompat jauh, lompat tinggi dan lontar peluru bagi murid tahap 2 kategori

lelaki dan perempuan telah diadakan pada 05 Februari 2020 di padang sekolah. Sejurus acara balapan bermula, pengurus pasukan bersama peserta rumah sukan masing-masing bersemangat mengejar mata dan bersaing sihat merebut pingat yang dipertandingkan.

Acara diteruskan dengan acara yang ditunggu-tunggu iaitu perbarisan. Perbarisan lintas hormat dimulakan oleh Rumah Sukan Kuning (Jaguar), diikuti Rumah Merah (Panther) dan seterusnya Rumah Biru (Cheetah). Pertandingan perbarisan yang menarik perhatian para hadirin dengan pelbagai maskot dari setiap rumah sukan. Seterusnya, semua peserta perbarisan berkumpul di tengah padang mengikut rumah sukan masing-masing.

Tertib acara diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan oleh Puan Norinnie binti Kassim, Guru Besar SK Ranche-Ranche. Majlis diikuti dengan ucapan perasmian yang disampaikan oleh Dr Mohammad Hamim Mohammad Hanifah, Yang Dipertua (YDP) Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dan seterusnya merasmikan Kejohanan Sukan Tahunan bagi tahun 2020. Majlis turut dihadiri oleh ASP Sukvinderjit Singh A/L Chanan Singh, Sarjan Mohammad Hafizuddin Augustine Abdullah, pegawai perhubungan polis sekolah dan Encik Hasan @ Hassan bin Jinin, NYDP PIBG.

Kejohanan olahraga kali ini dijuarai sekali lagi oleh pasukan Rumah Kuning, seterusnya naib johan pasukan Rumah Merah dan tempat ketiga adalah pasukan Rumah Biru.

Pungutan pingat pasukan Rumah Kuning adalah emas 13, perak 6 dan gangsa 10. Manakala Rumah Merah emas 7, perak 12 dan gangsa 13. Kutipan pingat Rumah Biru adalah emas 6, perak 8 dan gangsa 3.

Bagi acara perbarisan pula, johan merupakan Rumah Merah, naib johan adalah Rumah Biru dan tempat ketiga adalah Rumah Kuning.



Pasukan Rumah Merah juara pertandingan perbarisan. Bagi anugerah olahragawan pula telah dianugerahkan kepada Abdul Hannan bin Hasan dari Rumah Kuning yang memperoleh pungutan 4 emas manakal anugerah olahragawati pula telah dianugerahkan kepada Annis Shakilah binti Rahman juga dari Rumah Kuning yang memperoleh pungutan 5 emas.



Pasukan Rumah Merah juara pertandingan perbarisan. Seterusnya, sesi fotografi bersama ahli rumah sukan masing-masing diadakan. Murid dan guru gembira dengan kejayaan yang diperolehi dan semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh setiap ahli rumah sukan.

**Kejutan Tarian Singa Tambah
Eratkan Perpaduan Di
Kalangan Warga SKK SK
Rancha-Rancha W.P Labuan**



LABUAN, Jumaat – Sekolah Kebangsaan Ranca-Ranca (Sekolah Kluster Kecemerlangan) telah menerima kejutan tarian singa yang dirancang oleh barisan pentadbiran sekolah SKK SK Ranca-Ranca. Kumpulan tarian singa daripada Persatuan Penganut Dewa Yin Fu Dian Kerupang 1 WP Labuan amat mengujakan murid dan juga guru.

Guru

Besar, Pn Norinnie binti Kassim bersama barisan pentadbir sekolah amat berbesar hati meraikan semua warga sekolah terutama kepada guru dan murid yang menyambut Tahun Baru Cina.

Kejutan

yang dibuat ini adalah antara aktiviti dalam Pendidikan Sivik, iaitu hormat menghormati. Di samping menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan semua warga sekolah yang terdiri dari berbilang kaum.

Skop dan nilai moral yang ingin dikongsikan ialah hormat

menghormati, kasih-sayang, amalan berbudi bahasa berterusan dan sama-sama meraikan sambutan dan perayaan kaum dan bangsa lain.



Cik Chin Jin Vun bersama murid-murid.

Turut

hadir dalam acara ini Pn Midah binti Yusop (GPK Pentadbiran), Encik Shawal bin Abdul Rahman (GPK HEM), Encik Zulkifli bin Pabin (GPK Kokurikulum), Encik Rodhy Edward Anak Edward Jalin (GPK Pendidikan Khas) dan Encik Laidin Saipin (Pengerusi Kelab Staff Sekolah).

Guru

Besar berharap agar kerjasama dan jaringan yang dibuat ini akan berterusan dan berharap agar perpaduan dan semangat keharmonian di kalangan warga sekolah khususnya dan seluruh warga Malaysia amnya.